

09/10/2001

30 negara OIC dijangka sertai sidang pelancongan

KUALA LUMPUR, Isnin - Tiga puluh negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengesahkan menyertai Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 di sini, pada 12 dan 13 Oktober ini.

Daripada jumlah itu, 15 negara diwakili Menteri Pelancongan, empat negara diwakili timbalan menteri dan selebihnya duta masing-masing.

Jurucakap sekretariat persidangan itu yang dihubungi hari ini berkata, persidangan yang bertemakan Perkongsian Pintar Bagi Mewujudkan Perpaduan dan Kemakmuran itu, akan dimulakan dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan pada 10 dan 11 Oktober diikuti peringkat Menteri Pelancongan Islam pada 12 dan 13 Oktober.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan persidangan itu. Turut diadakan, Pameran Pelancongan dan Perdagangan yang akan berlangsung pada 13 dan 14 Oktober di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa The Mines.

Pada persidangan itu, menteri dan pegawai kanan sektor pelancongan akan turut dibawa melawat beberapa tempat menarik di Malaysia.

Menteri dan pegawai kanan yang menghadiri persidangan kali ini turut ditawarkan pakej lawatan prapersidangan pada tarikh ketibaan di sini pada 9 Oktober.

Dua pakej yang ditawarkan ialah melawat destinasi pelancongan menarik di sekitar Kuala Lumpur atau Putrajaya. Mereka juga boleh memilih untuk mengikuti kedua-dua pakej itu serentak.

Jurucakap itu berkata, Malaysia akan mengambil kesempatan untuk menarik minat pelancong dari negara peserta, sekali gus menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan utama di kalangan negara Islam.

Kali pertama persidangan itu diadakan pada Oktober tahun lalu di Isfahan, Iran.

(END)